

**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**ANIH BERHAD TERUSKAN TRADISI BERKONGSI BARAKAH RAMADHAN**

- *Edar juadah Iftar dan kurma PERCUMA kepada pengguna Lebuhraya KLK dan LPT 1*
  - *Tawar diskau tol 10 peratus sempena Aidilfitri*

**Temerloh, 24 Mei 2019** – ANIH Berhad meneruskan tradisi tahunannya untuk mengimarahkan lagi bulan Ramadhan menerusi edaran pek buah kurma dan juadah Iftar secara PERCUMA kepada pengguna Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1).

Edaran pek buah kurma yang bermula pada hari Jumaat, 17 Mei sehingga akhir bulan Ramadhan ini dilaksanakan di Plaza Tol Gombak dan Plaza Tol Karak menjelang waktu berbuka puasa manakala edaran secara PERCUMA juadah Iftar yang mengandungi set lauk, nasi, air mineral dan kurma pula dibuat menerusi kaunter pandu-lalu khas bermula dari jam 5.30 petang hingga 7.30 petang di 3 Kawasan Rehat & Rawat (R&R) terpilih seperti di bawah:

- a) R&R Gambang (hala timur) pada 17 Mei
- b) R&R Temerloh (hala timur) pada 24 Mei
- c) R&R Genting Sempah pada 31 Mei

Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Tan Sri Nik Hussein berkata, sumbangan kurma dan juadah Iftar ini merupakan inisiatif syarikat untuk meneruskan usaha berkongsi keberkatan bulan Ramadhan selain sebagai tanda penghargaan kepada pengguna Lebuhraya KLK dan LPT 1.

“Syarikat amat prihatin dengan pengguna yang tidak sempat sampai ke destinasi untuk Iftar. Justeru, kami harap dengan sumbangan kecil ini ianya dapat membantu mereka yang masih lagi dalam perjalanan dan tidak sempat berbuka,” katanya pada Majlis Program Berkongsi Barakah Ramadhan #LPTdihati yang diadakan di Kawasan Rehat & Rawat Temerloh hala timur. Turut hadir, Timbalan Menteri Kerja Raya merangkap Ahli Parlimen Temerloh, Yang Berhormat, Tuan Haji Anuar Tahir yang turut bersama turun padang memantau kelancaran proses pemberian juadah Iftar kepada pengguna.

Pada majlis itu juga, seramai 65 orang pelajar dari Rumah Ngaji Barokah; Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin Nur Iman; dan Pertubuhan Anak-Anak Yatim dan Kebajikan Darul Izzah dari Kawasan Parlimen Temerloh turut telah menerima sumbangan sepasang baju raya dan duit raya daripada ANIH Berhad.

Selain itu, ANIH Berhad juga turut memberi sumbangan RM1,000 untuk juadah Moreh 10 surau dan masjid di sepanjang jajaran KLK dan LPT 1.

Sementara itu, mengulas mengenai peranan konsesi lebuh raya dalam meningkatkan lagi komunikasi membantu memudahkan perjalanan pengguna sempena Aidilfitri ini, Yang Berhormat Tuan Haji Anuar berkata, media sosial boleh memainkan peranan penting sebagai saluran komunikasi utama untuk mengemaskini maklumat trafik atau insiden di lebuh raya.

“Saya mengalau-alukan usaha semua konsesi lebuh raya, khususnya ANIH Berhad menerusi laman Twitter rasminya iaitu @LPTTrafik atau Facebook di Lebuhraya Pantai Timur dalam memberikan pelbagai informasi daripada Bahagian Operasi Lebuhraya mengenai keadaan terkini di lebuh raya secara langsung atau tidak langsung kepada pengguna.

“Syabas Team Media Sosial ANIH Berhad! Sudah pastinya, saluran media sosial seperti ini akan terus menjadi platform komunikasi efektif menghubungkan Bahagian Operasi Lebuhraya ANIH Berhad dengan pengguna dalam memberikan gambaran dan info terkini secara tepat tentang situasi semasa keadaan trafik di Lebuhraya KLK dan LPT 1,” jelasnya.

Sempena perayaan Aidilfitri ini, ANIH Berhad turut akan menawarkan diskaun tol pengguna Lebuhraya KLK dan LPT 1. Jumlah peratusan diskaunnya akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian pada Majlis Perasmian Kempen Keselamatan Lebuh Raya pada Selasa, 28 Mei 2019.

Selain itu, syarikat konsesi berkenaan turut mengeluarkan Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) bagi membantu mengurangkan kesesakan melampau pada waktu puncak selain melancarkan lagi perjalanan pengguna Lebuhraya KLK dan LPT1 untuk sampai ke destinasi yang dituju.

“Apabila pengguna mematuhi TTA ini, ia secara tidak langsung dapat membantu mengelakkan kenderaan bertembung pada satu masa yang sama di plaza tol, khususnya di Plaza Tol Gombak,

Plaza Tol Bentong dan Plaza Tol Karak hingga boleh menyebabkan kesesakan," kata Dato' Nik Fauzi.

Beliau berkata, TTA juga turut memainkan peranan penting dalam membantu menyuraikan trafik di lebuh raya dibsebabkan oleh peningkatan jumlah kenderaan di lokasi-lokasi tertentu secara mendadak hingga boleh menyumbang kepada kesesakan lalulintas pada musim perayaan, khususnya pada waktu-waktu puncak.

Waktu-waktu puncak di mana trafik dijangka bakal membanjiri Lebuhraya KLK & LPT1 sempena Aidilfitri ini adalah seperti berikut:

- a) Pada 1 Jun, iaitu mulai jam 6.00 pagi hingga 4 Jun, jam 3.00 petang (untuk trafik menghala ke pantai timur) dan
- b) Pada 8 dan 9 Jun, antara jam 12 tengah hari hingga jam 12 pagi (untuk trafik menghala ke arah Kuala Lumpur).

"Oleh itu, saya menyeru semua pengguna yang bakal menggunakan Lebuhraya KLK dan LPT 1 supaya nerujuk Jadual TTA yang disediakan, pandu dengan berhemah dan patuhilah peraturan yang telah ditetapkan. Sebelum memulakan perjalanan, pastikan baki kad TnG dan e-Wallet RFID anda sentiasa mencukupi," katanya.

ANIH Berhad komited memastikan Lebuhraya KLK dan LPT 1 sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan termasuk memenuhi tahap kualiti lebuh raya berdasarkan garis panduan dan piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Tamat.

## **Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

### **Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my](mailto:fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my)
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[farizal.hajat@mtdgroup.com.my](mailto:farizal.hajat@mtdgroup.com.my)
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat Kumpulan  
[sofia.roseli@mtdgroup.com.my](mailto:sofia.roseli@mtdgroup.com.my)

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:**

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan  
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel : 03-6195 1111    Fax : 03-6187 5055    Website : [www.mtdgroup.com.my](http://www.mtdgroup.com.my)